

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 27/04/2020

Edisi / Muka Surat : Nasional / 26

Tajuk : RM20 juta selesai masalah aliran tunai peniaga

RM20 juta selesai masalah aliran tunai peniaga

CO-OPBANK Pertama (CBP) memperuntukkan dana berjumlah RM20 juta bagi kemudahan pembiayaan kepada firma profesional, koperasi serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdepan masalah aliran tunai akibat penularan wabak coronavirus (Covid-19).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Mohd Nor Abd Razak berkata, bantuan dana itu bagi membantu masalah aliran tunai jangka pendek untuk memastikan pengendalian operasi perniagaan.

Menurutnya, pembiayaan itu perlu berasaskan aktiviti perkhidmatan dan pengguna di bawah Program CB- Pri-

hatin (Profesional) yang diumumkan pada 8 April lalu.

“Di bawah program ini, mana-mana syarikat, koperasi dan PKS yang layak boleh memohon untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan bagi membiayai kos operasi termasuk fi pengarah dan gaji pekerja, pembayaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh majikan, utiliti dan sewa premis.

“Saya harap mereka yang layak boleh menghubungi CBP bagi memohon pembiayaan CB-Prihatin Profesional ini,” katanya dalam kenyataan baru-baru ini.



MOHD NOR